

# Usaha rapat jurang sosioekonomi

**Wawasan bermula 2021 pacu pertumbuhan negara, jamin agihan lebih adil**

Oleh Zanariah Abd Mutalib,  
Suhaila Shahrul Annuar  
dan Fahmy A Rosli  
bhnews@bh.com.my

**Putrajaya:** Kabinet semalam ber-setuju, menjadikan Wawasan Kemakmuran Bersama sebagai dasar baharu bagi memacu ekonomi negara ke arah pertumbuhan yang mampan, berteknologi tinggi, inklusif dan menjamin agihan yang adil serta saksama, dalam usaha merapatkan jurang sosio-ekonomi.

Di bawah wawasan yang tempoh pelaksanaannya bermula 2021 hingga 2030 itu, ekonomi negara akan distruktur semula bagi menghasilkan kemakmuran untuk semua serta menangani cabaran global. Penterjemahannya diyakini dapat melonjakkan Malaysia sebagai paksi ekonomi serantau.

Penstrukturan semula itu, akan menyaksikan ekonomi negara



Dr Mahathir, Dr Wan Azizah bersama jemaah menteri selepas Mesyuarat Khas Jemaah Menteri Mengenai Wawasan Kemakmuran Bersama 2021-2030 di Putrajaya, semalam. (Foto Mohd Fadli Hamzah/BH)

menjadi lebih progresif berpaksikan penggunaan teknologi tinggi, inovasi, penyelidikan dan pembangunan (R&D).

Tumpuan akan diberikan kepada sumber pertumbuhan baharu yang merangkumi ekonomi digital, industri aeroangkasa, pertanian pintar dan perkhidmatan sokongan untuk Revolusi Perin-

dustrian Keempat (IR4.0). Pada ketika sama, industri sedia ada yang menyumbang kepada pertumbuhan ekonomi akan diberi suntikan baharu.

Keindahan pelaksanaan Wawasan Kemakmuran Bersama akan menyerlah apabila jurang ekonomi di antara kumpulan pendapatan, etnik, wilayah dan rantaian bekalan dirapatkan dalam konteks ekonomi yang terus berkembang, memastikan nasib semua rakyat terbela dan tiada yang ketinggalan di dalam arus kemajuan negara.

Bercakap pada sidang media selepas mempengerusikan mesyuarat khas Kabinet mengenai wawasan itu di Perdana Putra, Tun Dr Mahathir Mohamad, berkata tumpuan utama dasar baharu itu adalah untuk merapatkan jurang pendapatan di antara negeri kaya dan miskin; kawasan bandar dan luar bandar serta jurang pendapatan rakyat negara ini.

Perdana Menteri menegaskan, wawasan terbabit bukan untuk menjadikan semua orang jutawan, sebaliknya mahu memastikan rakyat berasaskan mereka memperoleh bahagian yang adil, mengikut kategori masing-masing.

Beliau berkata, umum mengetahui dan bersetuju wujud jurang dalam negara ini, antaranya

membabitkan pendapatan negeri kaya dan negeri miskin seperti Kedah, Perlis dan Kelantan.

"Kita harus kurangkan jurang antara negeri kaya dan miskin. Ini bermakna tumpuan akan diberikan kepada negeri miskin, jika kita dapat tingkatkan pendapatan mereka," katanya.

Dr Mahathir berkata, jurang lain dikenal pasti adalah di antara bandar dengan luar bandar yang begitu ketara, memerlukan program diwujudkan bagi meningkatkan pendapatan luar bandar.

"Ketiga adalah jurang di antara (golongan) kaya dan miskin, iaitu kita dapati yang miskin terlalu miskin berbanding kaya.

"Umpamanya, eksekutif dalam syarikat boleh dapat RM2 juta hingga RM3 juta setahun, sedangkan pekerja bawah ini tidak dapat. Jauh sangat bezanya," katanya.

Justeru, Perdana Menteri berkata, pendapatan golongan pekerja perlu dipertingkatkan dengan memberikan mereka latihan dan memastikan mereka lebih produktif, bukan menaikkan gaji.

"Kita beri latihan kepada mereka supaya ada kecekapan membuat kerja lebih canggih. Contohnya, kita kini terbabit dalam bidang aeroangkasa, bahkan sebahagian enjin kapal terbang dibuat di Malaysia.

"Mereka yang boleh buat kerja

ini memiliki kebolehan tertentu tetapi kalau mereka yang kurang kebolehan akan diberikan latihan," katanya.

Dr Mahathir berkata, selepas kertas perbincangan Wawasan Kemakmuran Bersama itu diper-setujui secara prinsip oleh jemaah menteri semalam, ia dibentangkan semula sebagai Kertas Kabinet dalam mesyuarat Kabinet biasa.

"Umumnya, kita bincang yang mengambil masa tiga jam. Begitulah seriusnya kita dengan apa yang kita buat," katanya.

Katanya, kertas perbincangan pada mesyuarat itu dibentangkan secara terperinci oleh Menteri Hal Ehwal Ekonomi, Datuk Seri Mohamed Azmin Ali dan pembentang kertas, selain turut di bahaskan.

Mesyuarat khas Kabinet itu turut dihadiri Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Wan Azizah Wan Ismail dan barisan jemaah menteri.

Pada Mei lalu, Dr Mahathir di laporkan berkata, kerajaan mahu memperkenalkan inisiatif baharu dikenali sebagai Kemakmuran Bersama, iaitu pembangunan yang tidak hanya dinilai melalui angka, sebaliknya pembangunan dan kekayaan harus diagih lebih adil supaya semua rakyat dapat merasainya.